

**CONSULTANCY MANAGEMENT SYSTEM (COMS)**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PENGENALAN**

- Latar belakang ringkas perkhidmatan/projek:

Fungsi utama Bahagian Khidmat Perunding (BKP), JANM adalah seperti berikut:-

a) Perkhidmatan Perundingan

Memberi khidmat nasihat perundingan kepada agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan (BBP), Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam bagi meningkatkan Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan.

b) Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem

Memantau pembangunan dan pelaksanaan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan, Sistem Perakaunan Akruan bagi Kerajaan Negeri (iSPEKS), Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN), Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) serta sistem perakaunan di Badan Berkanun bagi memastikan pematuhan kepada arahan dan prosedur semasa serta pembangunan sistem yang menepati kehendak nilai untuk wang (*value for money*).

COMS merupakan *one-stop centre* bagi aplikasi perkhidmatan perundingan secara atas talian yang disediakan kepada pelanggan-pelanggan BKP (Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam).

## LAPORAN INOVASI (Nyatakan secara ringkas yang mana berkaitan)

- Tujuan Projek Inovasi:

COMS dibangunkan dengan tujuan seperti berikut:-

- a) Mengautomasikan proses kerja perkhidmatan rundingan sedia ada agar kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dapat dipertingkatkan. Proses kerja yang terlibat adalah seperti berikut:-
  - i. Permohonan kelulusan saluran terimaan/ bayaran bagi sistem Agensi Kerajaan Persekutuan;
  - ii. Permohonan kelulusan rekabentuk SAGA bagi Agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, dan Majlis Agama Islam;
  - iii. Permohonan Sijil Pematuhan SAGA bagi Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, dan Majlis Agama Islam;
  - iv. Permohonan Agensi Potongan Gaji;
  - v. Permohonan Agensi Bayaran Pukal;
  - vi. Permohonan pengecualian Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia;
  - vii. Penghantaran data/ statistik e-Pembayaran dan manual;
  - viii. Permohonan khidmat nasihat berkaitan prosedur perakaunan dan kewangan; dan
  - ix. Permohonan tempahan bilik mesyuarat (modul tambahan untuk kegunaan dalaman BKP sahaja).
- b) Menyediakan pangkalan data yang akan menyimpan maklumat permohonan dan kelulusan, maklumat pemantauan dan penilaian, maklumat kajian yang dijalankan, maklumat khidmat perundingan dan data-data statistik untuk dijadikan sumber rujukan kepada BKP, JANM dan stakeholder.
- c) Menyediakan platform untuk komunikasi dengan pelanggan di mana permohonan dan pertanyaan diajukan menerusi portal COMS bagi memudahkan pelanggan membuat semakan status permohonan dan pertanyaan.

- Proses Pelaksanaan Inovasi
  - COMS telah dibangunkan dan disenggara oleh Aneqa Resources Sdn Bhd dengan kos pembangunan berjumlah RM499,880.95. Tempoh kontrak adalah selama 40 bulan, bermula pada 7 September 2015 sehingga 31 Disember 2018.
  - Walau bagaimanapun JANM telah mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak pada 25 April 2018 kerana Aneqa Resources Sdn Bhd telah mengalami penggulungan syarikat pada 22 November 2017.
  
- Proses sebelum dan selepas
 

Sebelum pembangunan COMS semua proses dilaksanakan secara manual dengan format borang masing-masing. Manakala selepas pelaksanaan, kesemua proses adalah menggunakan format online di dalam COMS yang dibangunkan.
  
- Elemen penurunan kuasa (jika ada): Tidak berkaitan
  
- Impak inovasi terhadap kumpulan sasar/perkhidmatan/ jabatan/agensi/Negara:
  - Elemen Inovatif/Kreativiti
    - Penciptaan nilai/elemen baru/tambahbaik – Dengan mewujudkan modul-modul secara dalam talian, memudahkan pelanggan JANM untuk berurusan dengan lebih cepat dan status langganan perkhidmatan oleh pelanggan dengan JANM akan lebih mudah dipantau.
    - Elemen mempermudah/penyelesaian masalah – aliran proses kerja lebih memudahkan pelanggan dan *user friendly*.
    - Lain-lain berkaitan- pelanggan boleh mengetahui status pertanyaan/maklumbalas langganan perkhidmatan dengan modul pertanyaan status yang disediakan.
  - Elemen Keberkesanan
    - Gambaran faedah yang nyata diperolehi – Perbandingan sebelum dan selepas pembangunan COMS adalah di mana langganan perkhidmatan oleh pelanggan dengan BKP JANM dilaksanakan secara manual iaitu penghantaran secara pos, pelanggan hadir ke

pejabat BKP manakala selepas adanya COMS urusan dibuat secara dalam talian dan pengurusan dan pemantauan boleh dilaksanakan secara dalam talian.

- Peningkatan produktiviti/kepuasan – pengurusan perkhidmatan secara dalam talian merupakan perkhidmatan yang terbukti sebagai sebuah platform yang memudahkan pelanggan/pengguna.
- Penjanaan pendapatan (sekiranya berkaitan) –tidak berkaitan
- Elemen Signifikan
  - Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan – COMS boleh dicapai melalui portal COMS yang telah dibangunkan <http://coms.anm.gov.my/comsv1/index.php> di mana dilengkapi dengan manual atau panduan pengguna modul COMS berkaitan yang mudah difahami. Dilengkapi juga dengan Prosedur Kerja dan Arahan Kerja yang boleh membantu pengguna-pengguna baharu menggunakan COMS.
  - Penjimatan masa/kos/sumber manusia – Dengan menggunakan COMS proses kerja setiap perkhidmatan/modul perkhidmatan disingkatkan dengan pengurusan perkhidmatan dalam talian yang lebih memudahkan serta memenuhi usaha penjimatan melalui konsep *paperless*.
  - Sejauh mana ianya memenuhi objektif inisiatif ini – COMS menyediakan platform perkhidmatan secara dalam talian yang mana dibangunkan selari dengan hasrat kerajaan ke arah kerajaan elektronik, menyediakan perkhidmatan yang mesra pelanggan serta meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan pelanggan.
- Elemen Relevan
  - Sumbangan kepada agenda organisasi/nasional- COMS direalisasikan melalui inisiatif Jabatan Akauntan Negara Malaysia di bawah strategi yang digariskan dalam Teras Strategik JANM 2012 – 2016(dikemaskini) sebagai usaha memantapkan kecekapan dan keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan.

- Pengiktirafan diterima : COMS memberi sumbangan sebagai salah satu projek inovasi bagi penilaian Indeks Penarafan Bintang(SSR) MAMPU ke atas Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan telah mendapat Pengiktirafan 5 Bintang Agensi Sektor Awam bagi tahun 2017-2018 daripada MAMPU.
- Gambar-gambar berkaitan : tiada
- Implikasi Kewangan (jika ada): tiada

## **PENUTUP**

- Kesimpulan secara menyeluruh:

Peranan BKP adalah penting dan kritikal yang secara keseluruhannya bertanggungjawab untuk memantau dan memberi khidmat nasihat kepada semua agensi Kerajaan sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

COMS diperlukan agar perkhidmatan perundingan yang berkualiti diberikan selaras dengan misi JANM untuk menyedia dan memantapkan perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kerajaan yang komprehensif bagi mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam.

### **Disediakan oleh :**

Nama Pegawai/Unit Terlibat : Noraida binti Alias  
Unit Kelulusan Sistem 1  
Bhg Khidmat Perunding,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

No. Tel. : 03-8886 9543

Emel : noraida.alias@anm.gov.my